

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan Program Inkubasi Usahawantani bagi melahirkan usahawan muda pertanian selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata program khas keusahawanan ditawarkan kepada graduan UPM atau universiti lain yang berminat menjadi usahawantani yang berwibawa bagi melaksanakan projek pertanian.

"Program ditawarkan selama enam bulan itu melatih peserta dengan pelbagai teknik perundingan perniagaan, penyediaan laporan dan penyediaan pelan perniagaan selain syarahan pelbagai subjek perniagaan terkini.

"Program ini disertai 38 peserta dan mengandungi tiga modul utama iaitu Modul Tanaman, Modul Akuakultur dan Modul Bioteknologi dengan peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM2.8 juta," katanya.

Daripada jumlah itu, seramai 14 peserta mengikuti bidang tanaman fetigasi 'rock melon', 18 peserta dalam bidang akuakultur (ternakan ikan tilapia) dan enam peserta lagi dalam bidang bioteknologi (pengeluaran baja kompos).

Katanya, semua peserta diberi peluang menguruskan projek secara komersial mengikut bidang masing-masing, bermula daripada penyediaan kertas projek, pelaksanaan hinggalah pemantauan dan pemasaran.

Beliau menjelaskan, bagi melengkapkan siswazah dengan kemahiran sebagai usahawantani, beberapa ceramah motivasi diarturkan untuk



Program usahawantani UPM

KHALED merasmikan Program Inkubator Usahawantani UPM.

menyemai semangat jati diri peserta.

"Peserta juga akan dilatih untuk meningkatkan kemahiran dalam perundingan dan perkongsian pengalaman dengan pihak swasta selain membuat penilaian kepada beberapa projek pertanian yang diusahakan pihak swasta menerusi lawatan dan perbincangan secara

'hands on,'" katanya.

"Ketika ini, sebanyak lima syarikat swasta dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri bekerjasama dengan UPM sebagai rakan strategik yang akan menawarkan perkhidmatan rundingan atau sebagai 'mentor' kepada peserta.

"Kursus ini ialah satu pakej kursus lengkap yang dapat meyakinkan

pihak swasta membuat penilaian terhadap peserta dan meningkatkan kebolehpasaran mereka," katanya.

Terdahulu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkesempatan melawat projek graduan seperti tanaman rock melon dan projek pengeluaran baja biokompos di Komplek Biorefineri.

"Saya yakin jika projek ini dilaksanakan dengan cekap, ia akan memberi pulangan yang menguntungkan dan berpotensi dieksport ke luar negara. Peserta yang terpilih sememangnya bertuah kerana mereka bukan saja sebagai pelopor program, malah meningkatkan keyakinan orang awam dan kebolehpasaran peserta," katanya.